



[Click here to find out more about](#)

MUKA DEPAN

- ▶ Sajian Berita
- ▶ Singapura
- ▶ Luar Negara
- ▶ Ekstra!
- ▶ Komentari
- ▶ Sukan

DUNIA CYBERITA

- ▶ Badan Melayu
- ▶ Bantuan Teknikal
- ▶ Khidmat Iklan

Ekstra! : 9 Januari 2008

KEBERSIHAN

BAIK GUNA MESIN SARING UDARA

PERNAHKAH anda memasuki bilik rumah anda dan terasa baunya agak kurang enak, seakan-akan bacin, sedangkan anda tahu bilik anda telah dikemas bersih?

Atau anda rasa ia penuh dengan pencemaran kerana terletak berhampiran jalan raya besar?

Jika demikian, anda mungkin memerlukan alat pembersihan udara untuk membersihkan udara di rumah anda demi kesihatan.

Ramai orang kini prihatin dengan makanan mereka dan meningkatkan senaman untuk menjaga kesihatan, tetapi dari segi menjaga mutu udara yang mereka sedut setiap hari, itu kurang diberi perhatian.

Menghirup udara bersih sebenarnya amat penting memandangkan kian ramai penduduk bandar seperti orang Singapura, banyak menghabiskan masa di rumah atau pejabat yang dilengkapi sistem hawa dingin.

Sistem hawa dingin dan putaran udara di pejabat sebenarnya memasukkan sejumlah udara yang terhad saja, lantas membuat pencemaran udara di ruang itu lebih padat.

Pencemaran yang mengandungi bahan-bahan kimia dan biologiikal begini yang terdapat dalam ruang berhawa dingin boleh menyebabkan masalah disebut Sindrom Bangunan Berpenyakit, yang boleh menyebabkan penghuninya mengalami masalah seperti pening, letih, mata, hidung dan tekak gatal serta mual.

Pesakit sempul dan 'emphysema' iaitu masalah ruang udara semakin membesar di paru-paru lebih mudah terjejas jika terdedah kepada penceraman udara seperti habuk dan kulat yang terapung-apung.

Maka, untuk mengatasi keadaan ini, memasang alat pembersihan udara yang benar-benar berkesan demi menjaga mutu udara dan sekitaran di dalam ruang bangunan adalah jawapannya.

Pemilik rumah dan syarikat yang mampu, malah, boleh memikirkan untuk memasang sistem pembersihan udara yang menggunakan satu teknologi baru dari Amerika Syarikat yang terdapat di sini.

Ia menggunakan teknologi disebut Enhanced Media Filtration (EMF) yang bermaksud penggunaan saringan udara yang lebih tinggi kadar keberkesanannya, yang dibangunkan oleh Jabatan Pertahanan Amerika dalam kajiannya mengenai 'perang kuman' iaitu penggunaan bahan kimia dan kuman untuk menghapuskan pihak lawan.

Tidak seperti sistem saringan udara lain, sistem EMF ini bukan saja dapat memerangkap bahan-bahan halus yang mencemar udara, malah telah diuji dan terbukti boleh membunuh sehingga 100 peratus virus, bakteria, kulupuk dan kulat di sekitaran.

Sistem ini kini dikenali sebagai Healthway EMF Air Purification, dan dipasarkan di sini oleh syarikat penjagaan kebersihan sekitaran, IEQ Global Pte Ltd.

Pengarah eksekutif syarikat itu, Encik Ong Wei Ping, berkata alat yang dibekalkannya boleh merangkumi kawasan seluas 92.9 meter persegi (1,000 kaki persegi) berbanding dengan alat-alat lain yang merangkumi kawasan seperempat lebih kecil daripada itu.

Kos pengenggaraannya juga tidak tinggi, ujar beliau, sambil menarik perhatian harga alat-alat yang dibekalkannya adalah antara \$998 dengan \$1,310 sebuah sebelum GST.

Keterangan lanjut sistem ini boleh didapati melalui laman web <
<http://www.ieqglobal.com> >

[Arkib](#)



Mudah cetak | E-mel

CARI



[Berita lain](#)
[Prosedur selamat](#)

[Kaitan stres dengan susu badan](#)

[Peluang henti merokok](#)

[Ada 6 sebab](#)

[Berdiet tidak menjadi trend lagi](#)

['Johnny mathis' Singapura](#)

[Ingin hasilkan album](#)

[Goldie dikejar paparazzi](#)

[Tak selamanya di atas](#)

[Mahu menari dengan Shah Rukh](#)

ARKIB 6 HARI

NOTA: cyBerita hanya menyimpan arkib laporan Berita selama tujuh hari.

[Dunia Digital](#) [Ekoniaga Forum](#) [Komentar Luar Negara](#) [Ekstra!](#) [Sajian Berita Singapura](#) [Sukan Santai](#) [Wak Cantuk](#)



Copyright © 2005 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
[Privacy Statement](#) [Conditions of Access](#) [Advertise @ AsiaOne](#)